

MOTAC kaji semula akta umrah lapuk

Langkah perkasa perundangan bagi lindungi jemaah, tangani masalah penipuan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan mengkaji semula akta berkaitan umrah yang sudah lapuk dan dilihat tidak lagi sesuai dengan industri serta teknologi sekarang.

Oleh sebab itu, menteri setuju untuk kita bangunkan blueprint selari dengan akta yang mahu kita ubah. Kali ini kita akan lakukan libat urus dengan pihak industri kerana kita tidak mau wujudkan akta yang syok sendiri tanpa mengikut keperluan pemain industri," katanya.

Langkah itu juga sebagai usaha mempertahankan pengendali agensi atau jemaah, sekali gus mampu menyelesaikan masalah penipuan umrah di negara ini.

Selain itu, MOTAC juga sedang membangunkan blueprint berkaitan industri umrah dan menilai semula penggrédan pengendali agensi yang ada sekarang.

Timbalan Menterinya, Khairul Firdaus Akbar Khan, berkata industri pelancongan di negara ini

banyak ketinggalan dalam pelbagai aspek terutama berkaitan akta.

"Jadi, kita akan lakukan langkah penambahbaikan dalam industri pelancongan, pertama kita akan lihat kembali akta dan kedua, pihak kita sedang membangunkan blueprint berkaitan umrah.

Kedua-dua perkara ini sangat berkait rapat, contohnya berkaitan akta, banyak yang sebelum ini tidak lagi sesuai dengan industri dan teknologi sekarang.

Oleh sebab itu, menteri setuju untuk kita bangunkan blueprint selari dengan akta yang mahu kita ubah. Kali ini kita akan lakukan libat urus dengan pihak industri kerana kita tidak mau wujudkan akta yang syok sendiri tanpa mengikut keperluan pemain industri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Menandatangani Perjanjian Penerbangan Malaysia Airlines bagi musim umrah 2023-2024, kelmarin.

Pastikan terus relevan

Sementara itu, mengulas akta industri pelancongan atau Akta 482, Khairul Firdaus berkata, ia



Khairul Firdaus (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian kerjasama antara Pengarah dan Penasihat Undang-Undang Andalusia Travel Sdn Bhd, Ida Riswana Idris bersama Ketua Pegawai Operasi AMAL by Malaysia Airlines, Muhammad Najmi Mansor di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Hazreen Mohamad/BH)



diwujudkan sejak 1992 dan kini 'usianya' sudah mencecah 31 tahun.

Katanya, kebanyakan aktanya juga sudah lapuk dan tidak relevan lagi untuk digunakan kepada industri pelancongan.

"Kita akan pastikan akta ini diperbaharui dan dibina supaya ia lebih mesra perniagaan sel-

ras perkembangan teknologi semasa dan semestinya inkusif dalam industri pelancongan.

"Secara umumnya, Akta 482 yang baharu nanti membolehkan tindakan segera diambil ke atas pengendali umrah yang melakukan kesalahan.

"Ia bukan sahaja untuk menjaga pengendali umrah ini tetapi juga kemaslahatan jemaah. Sebelum ini kita lihat banyak cabaran berkait akta ini sehingga tindakan sukar untuk diambil kepada mana-mana agensi umrah yang melakukan kesalahan ini," katanya.

Khairul Firdaus berkata, pihaknya juga akan melaksanakan penggredan pengendali agensi umrah ini untuk memberi pili-

han kepada jemaah memilih menurut gred yang mereka mahukan.

"Jadi ia akan lebih telus dan jemaah ini lebih terbuka untuk melihat mana-mana pengendali yang mempunyai prestasi tinggi dan tidak melakukan kesalahan dalam perkhidmatan mereka.

"Apa yang berlaku kini, banyak agensi tidak mampukekalkan gred perkhidmatan mereka yang sudah diberikan sebelum ini. Ia menjadi kerisauan kepada kerajaan.

"Kita mahu lihat prestasi mereka, bukannya dapat penilaian lima bintang itu seumur hidup, namun prestasi tidak sama dengan bintang mereka peroleh," katanya.